

UM MS 24 21/12/2010

# Kerajaan perlu kurangkan jumlah penjawat awam

KUALA LUMPUR 20 Dis. – Kerajaan perlu mengurangkan jumlah pengambilan penjawat awam selain mencari jalan meningkatkan produktiviti kerja golongan itu bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

Naib Canselor Universiti Malaya, Prof. Datuk Dr. Ghauth Jasmon berkata, berdasarkan jumlah rakyat negara ini yang dianggap masih belum terlalu ramai, kadar penjawat awam di negara ini adalah tinggi berbanding kadar di negara maju.

“Malaysia mempunyai 1.2 juta kakitangan awam sedangkan rakyatnya cuma kira-kira 28 juta. Bandingkan pula dengan Korea Selatan yang mempunyai 48 juta rakyat tetapi hanya mempunyai dua juta penjawat awam.

“Begitu juga dengan Jerman yang hanya mempunyai dua juta kakitangan awam untuk 82 juta rakyatnya dan Jepun dengan hanya 4,449,900 penjawat awam berbanding 126,804,433 rakyat mereka,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah pada Seminar Pendidikan Sempena Konvensyen Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) Ke-25 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Hadir sama Presiden Cuepacs, Omar Osman serta dua timbalannya, Azih Muda dan Husain Mohd. Yasin.

Beliau berkata, jika pengurangan kakitangan dan peningkatan produktiviti dilakukan, ia mampu men-

jimatkan perbelanjaan kerajaan selain mempercepatkan proses kemajuan negara.

“Di negara-negara maju hari ini, kebanyakan rakyatnya rajin bekerja dan melakukan tugas secara ‘pelbagai kerja’. Melalui cara itu, kerajaan boleh menjimatkan perbelanjaan walaupun mungkin terpaksa membayar lebih sedikit kepada seseorang kakitangan awam kerana beban kerjanya bertambah.

“Produktiviti pula berkait rapat dengan sikap rakyat itu sendiri. Jika di negara maju, para eksekutifnya hanya akan pulang pada pukul 10 malam sementara profesor dan mahasiswa universiti pula akan pulang selewat 12 malam. Budaya rajin bekerja ini yang perlu kita bentuk,” katanya.

# Disabled can seek govt jobs online, says PSC

By **SARBAN SINGH**

newsdesk@thestar.com.my

**SEREMBAN:** Disabled Malaysians seeking employment in the public sector have been told to apply online with the Public Service Commission (PSC) to speed up the government's plan to reserve at least 1% of jobs for them.

Public Service director-general Datuk Seri Abu Bakar Abdullah said the disabled should state their status on their application.

"These are among several affirmative measures introduced by the government to ensure the disabled are considered for jobs in the civil service.

"The PSC must also ensure that all vacancies for jobs advertised online or through any other channel have a special section for the disabled," he said in a circular.

The website of the PSC is [www.spa.gov.my](http://www.spa.gov.my).

The disabled can apply for jobs in the top management group which is made up of the cream of the civil service, professionals and

management as well as the support groups.

The disabled, he said, can seek assistance from the Welfare Department on how to apply for these jobs.

He said that to be considered for government jobs, the disabled must have registered with the department.

Although there are an estimated 2.7mil disabled Malaysians, only some 10% were registered with the department.

It is learnt that only the Welfare Department has achieved the government's target to have at least 1% of its work force made of the physically or mentally challenged, blind, deaf or mute.

Abu Bakar said the PSC should ensure that the panel set up to interview disabled persons for such jobs had an officer from the Welfare Department or an officer who had experience dealing with the disabled.

He said Ministries should let the PSC know if there were jobs suitable for the disabled to make it easier for the PSC to place them.

# SPA recruits 41,000 candidates up to November

TASTAR, 21/10/2010 PG N16.

**ALOR SETAR:** The Public Services Commission (SPA) has appointed 41,840 candidates to various positions in the public service as at Nov 30.

Its chairman Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri said 1,207,921 candidates had applied for jobs via the commission, of whom 20,288 candidates were from Kedah.

"For Kedah, as at Nov 30, 4,551 candidates have been assigned jobs in the public service," he told reporters after opening the one-stop interview centre for the commission at Wisma Persekutuan here yesterday.

Jamaluddin said as at November, the commission aimed to appoint more than 50,000 personnel to various positions as interview sessions were still going on.

He said last year, the commission received

1,527,070 applications online and appointed 50,756 candidates to posts in the public service.

On the interview centre, Jamaluddin said Alor Setar was the fifth location, after Kota Baru, Kuantan, Ipoh and Johor Baru.

"The commission already has a permanent centre in Putrajaya, Jalan Cenderasari in Kuala Lumpur, Kota Kinabalu and Kuching.

"The objective for the centre is to provide facility and comfort to the candidates who have dealings with the commission, especially for those attending interviews," he said.

The centre in Alor Setar is capable of accommodating 320 candidates and is equipped with a room for physical examination and computers for Internet access. — Bernama

# SPA ambil 41,840 pekerja hingga 30 November

21/12/2010 ms-24 UM  
ALOR SETAR 20 Dis. – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) melantik seramai 41,840 calon bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam sehingga 30 November lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, suruhanjaya itu menerima lebih 1.2 juta permohonan yang dibuat secara dalam talian bagi tempoh berkenaan.

Pada tahun lalu, katanya, SPA menerima lebih 1.5 juta permohonan dengan seramai 50,756 calon dilantik ke pelbagai jawatan yang ditawarkan dalam perkhidmatan tersebut.

“SPA menjangkakan dapat melantik kira-kira 50,000 anggota menjelang penghujung bulan ini seperti yang dilakukan pada tahun lalu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat temuduga SPA cawangan Alor Setar di sini hari ini.

Pusat temuduga yang terletak di aras lapan bangunan Wisma Persekutuan di sini itu dilengkapi dengan infrastruktur moden dan dapat menampung seramai 320 calon pada satu-satu masa.

Ia mempunyai sembilan bilik temuduga, sebuah bilik pemeriksaan fizikal, ruang menunggu untuk ca-

lon dan kemudahan Internet.

Jamaluddin berkata, SPA akan melakukan pembaharuan dalam urusan pengambilan kakitangan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti sumber manusia dalam perkhidmatan awam selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Menurut beliau, suruhanjaya itu kini dituntut untuk memainkan peranan secara proaktif bagi menarik bakat yang terbaik untuk berkhidmat sebagai kakitangan awam.

# 41,840 pencari kerja diserap ke sektor awam

**A**LOR SETAR: Seramai 41,840 pencari kerja diserap Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mengisi pelbagai jawatan kosong dalam perkhidmatan awam bagi tempoh antara Januari hingga November tahun ini.

Jumlah itu mewakili kurang tiga peratus daripada jumlah keseluruhan calon yang mohon jawatan secara dalam talian melalui laman

web SPA direkodkan mencecah 1.5 juta orang.

Pengerusinya, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri berkata, pemilihan calon bagi mengisi kekosongan perkhidmatan awam dibuat bukan saja berpandukan kedudukan akademik, malah turut meliputi beberapa kriteria lain seperti sahsiah diri dan faktor komunikasi.

Katanya, calon dipilih perlu me-

miliki kebolehan serta daya saing.

“Paling penting, calon perlu melepasi proses ujian dan temuduga dikendalikan SPA secara profesional kerana di sini tahap kebolehan mereka diuji.

“Calon sendiri harus bersedia dengan pengetahuan luas selain berupaya menonjolkan sahsiah diri, bersesuaian dengan imej sebagai penjawat awam,” katanya.